

Ketika perselisihan Dr Mahathir - Pak Lah:

NAJIB BIJAK MEREDAKAN KEADAAN

Era Baru - 18/8/2006

Oleh: Wartawan ERA BARU



Datuk Seri Najib Tun Razak

PENDIRIAN Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak berhubung kemelut yang menyelubungi hubungan dingin di antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, dilihat tidak mengundang implikasi buruk kepada kestabilan UMNO, malah beberapa kenyataan beliau sebelum ini dikatakan lebih banyak cuba meredakan keadaan.

Walaupun ada sesetengah pihak cuba mentafsirkan kenyataan Najib lebih banyak 'berselindung' disebalik hubungan baiknya dengan Dr. Mahathir sebelum ini, tetapi ternyata sikap dan pendirian beliau yang lebih berasaskan kepada kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri, telah menyelamatkan beliau daripada terperangkap dengan isu yang meletus sekarang ini.

Ketika banyak kenyataan yang dikeluarkan oleh Dr. Mahathir berhubung ketidakpuashatian beliau terhadap beberapa dasar dan keputusan yang telah dibuat oleh Abdullah, Najib kelihatan tenang menjawab soalan yang dilontarkan oleh pihak akhbar yang seolah-olah cuba merangkap beliau.

Pada Najib, kesetiaan beliau hanyalah kepada ketua dan itulah prinsip yang dipegang oleh beliau sewaktu era kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO, setelah dikongsikan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam situasi perselisihan dan percanggahan pendapat Dr. Mahathir dan Abdullah yang dilihat belum menampakkan tanda-tanda akan berakhir, pendirian Najib amat jelas, iaitu taat kepada ketua, yakni Abdullah, walaupun umum mengetahui sebelum ini beliau mempunyai pertalian hubungan yang agak rapat dengan Dr. Mahathir.

SOKONGAN

Kerana itulah, berulang kali Najib yang juga Menteri Pertahanan menjelaskan kepada umum bahawa beliau menyokong penuh kepimpinan Abdullah dan tetap bersama Perdana Menteri menanganikan isu-isu yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir.

Malah berulang kali juga Najib mengahar seluruh kepimpinan UMNO supaya memberi sokongan padu kepada Perdana

Menteri yang sedang memberikan tumpuan serius terhadap pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-sembilan.

Di kalangan pemerhati politik pula berpendapat bahawa Najib cukup bijak menyesuaikan diri dengan kemelut yang berlaku sekarang dengan mengambil iktibar dengan apa yang berlaku ke atas Anwar, apabila menyanggah keputusan Dr. Mahathir. Najib sudah tentu tidak mahu nasib malang Anwar menimpa ke atas beliau.

Ketika banyak pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Nazri Tan Sri Aziz yang secara terbuka menghina, mencerca dan menghentam Dr. Mahathir, sebaliknya Najib melihat perlakuan itu tanpa memberi sebarang ulasan yang boleh memanasakan lagi keadaan, sebaliknya rnenjelaskan agar isu yang berbangkit itu perlu diserahkan kepada kerajaan untuk diselesaikan.

Najib sudah cukup matang untuk melihat apa yang tersurat dan apa yang tersirat disebalik gelombang yang sedang melanda UMNO. Sebagai pemimpin yang dilahirkan daripada kilang Pergerakan

Pemuda UMNO, beliau amat memahami dengan percaturan yang berlaku.

Ketika ada fitnah dan penyebaran tokoh kononnya Najib sedang 'menyusun strategi' dan giat mengumpul kekuatan dan bala tenteranya dengan sokongan Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein untuk cuba melemahkan pengaruh politik Abdullah, Najib dilihat tetap tenang dengan dakwaan karut itu.

Pemerhati politik menyifatkan dakwaan dan fitnah yang dilemparkan keatas Najib adalah perbuatan pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan dan menanggung di air keruh ketika UMNO dilanda kegawatan akibat 'persoalan' yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir.

Malah fitnah yang berupa cakap-cakap politik di warung kopi itu juga dilihat sebagai percubaan terancang untuk merenggangkan hubungan akrab di antara Najib dengan Abdullah, setelah seluruh ahli UMNO mengetahui bahawa kedua-dua pemimpin itu berupaya menjana kekuatan kepada UMNO.